

# Masalah bekalan ayam beri kesan kepada harga ikan

SH 27/5/2022 M113

**TANJONG KARANG** - Harga ikan di Pasar Awam Tanjong Karang di sini naik antara RM1 hingga RM 2 sekilogram sejak dua minggu lalu.

Seorang peniaga, Lee Hong Chioa, 40, berkata, ikan kembung saiz besar misalnya dijual RM12 sekilogram berbanding sebelum ini RM10 sekilogram.

Menurutnya, kenaikan RM2 sekilogram itu berlaku disebabkan menerima harga lebih tinggi daripada pembekal.

“Kami menerima ikan pada harga tinggi, jadi terpaksa naikkan harga bagi mengurangkan risiko kerugian,” katanya.

Hong Chioa berkata, antara ikan lain naik harga seperti kembung saiz kecil daripada RM8 sekilogram kepada RM10 sekilogram, cencaru RM8 sekilogram kepada RM9 sekilogram.

Katanya, antara faktor lain menyebabkan ikan naik harga berpunca akibat kesukaran mendapatkan bekalan ayam.

“Orang ramai mula bertukar daripada membeli ayam kepada ikan menyebabkan permintaannya meningkat,” ujarinya.

Seorang lagi peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Chew, 53, berkata, harga ikan pada masa ini tidak menentu.

Bagaimanapun, katanya, beberapa jenis ikan mengalami kenaikan hingga dia terpaksa menolak pembelian daripada pemborong.

“Kami tidak menjual beberapa jenis ikan yang mengalami kenaikan harga disebabkan pemborong menjual pada harga melebihi RM16 sekilogram.

“Jika harga ikan mahal, sudah tentu pelanggan tidak mahu membeli dan ini mendatangkan kerugian,” ujarinya.

Seorang lagi peniaga, Faridah Udin, 37, berkata, ikan dijualnya di kawasan lapang di hadapan pasar awam itu lebih murah disebabkan mengambil bekalan secara terus daripada pemborong.



**FARIDAH**